

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN DALAM KAJIAN KUALITATIF

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

PENGENALAN

Artikel ini akan menfokuskan kepada definisi kesahan dan kebolehpercayaan serta tujuan utama pelaksanaan kedua-duanya dalam penyelidikan kualitatif. Seterusnya, tulisan ini akan menjelaskan bentuk-kesahan dan kebolehpercayaan yang boleh dilaksanakan dalam penyelidikan kualitatif dengan mengambil contoh daripada kajian terhadap guru yang dilakukan oleh penulis.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN DALAM KAJIAN KUALITATIF*

DR. KAMARUL AZMI JASMI

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Artikel ini akan menfokuskan kepada definisi kesahan dan kebolehpercayaan serta tujuan utama pelaksanaan kedua-duanya dalam penyelidikan kualitatif. Seterusnya, tulisan ini akan menjelaskan bentuk-kesahan dan kebolehpercayaan yang boleh dilaksanakan dalam penyelidikan kualitatif dengan mengambil contoh daripada kajian terhadap guru yang dilakukan oleh penulis.

DEFINISI KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Kesahan didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan kebolehgunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan data-data diinferenkan (Fraenkel Jack. R dan Norman. E. Wallen, 1996: 153). Kesahan juga bermaksud; persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur trait yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan (Campbell D. & Fiske D., 1959).

Ciri utama bagi menentukan kesesuaian dan kebolehgunaan sesuatu instrumen ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Kesahan bertujuan bagi memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan yang baru adalah dalam konsep yang diukur itu. Tujuan kesahan instrumen juga ialah bagi menjamin keesahan item-item (instrumen) agar bersifat (Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E., 1996)

- (1) Dapat dipertahankan (Defensibility) kerana hasil kajiannya tepat dan berguna.
- (2) Ketepatan (Accuracy), iaitu dalam menjawab persoalan kajian.
- (3) Kesesuaian (Appropriateness), iaitu relevan dengan tujuan kajian.
- (4) Bererti (Meaningfulness), iaitu memberi makna terhadap data melalui skor.
- (5) Kebolehgunaan (Usefulness), iaitu mampu membuat keputusan berhubung dengan apa yang cuba dicari atau dihasilkan kerana keputusan dari penilaian tersebut boleh menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pembolehubah yang hendak diukur untuk menginferenkan data kajian.

Manakala kebolehpercayaan pula ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran atau alat ukur atau kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel atau responden yang sama (Sabitha Marican 2005).

* Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Kebolehpercayaan data kualitatif berkaitan dengan pemerhatian penyelidik mengenai GPI sama ada mempunyai ketekalan dalaman atau luaran. Ketekalan dalam merujuk kepada data yang diperolehi diatur dalam bentuk yang bermakna. Manakala ketekalan luaran pula dengan mengesahkan melalui penyemakan pemerhatian yang diperolehi dengan pelbagai sumber data yang lain (Sabitha Marican 2005). Kesahan muka dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian kualitatif ini melibatkan beberapa langkah sebagaimana yang dicadangkan oleh Bogdan dan Biklen (2003) dan digunakan sebahagian besarnya oleh Mohd Izham Mohd Hamzah (2009), iaitu pengesahan inventori soalan separuh berstruktur oleh penyelia dan pakar bidang, kajian rintis, triangulasi data, laporan nota lapangan dan diari, pengesahan pakar terhadap tema yang dibina, serta pengiraan Cohen Kappa terhadap tahap persetujuan pakar terhadap tema, dan akhir sekali tempoh yang panjang dalam kajian.

KAJIAN RINTIS

Pengkaji menyiapkan inventori soalan sebelum menyerahkan kepada penyelia untuk melihat keselarasan antara objektif kajian dan tema dengan soalan kajian (Lampiran A). Pengesahan penyelia ini juga salah satu bentuk daripada kebolehpercayaan data kerana menurut Bogdan dan Biklen (2003) bahawa salah satu daripada kesahan data kualitatif adalah melalui pengesahan penyelia dan rakan penyelidik terhadap keteraturan kajian yang dilakukan. Sejurus setelah inventori soalan separuh berstruktur disahkan oleh penyelia, pengkaji melaksanakan kajian rintis pertama pada 27 Mac 2008 dan berakhir pada 3 April 2008 di sebuah sekolah menengah yang dilabel sebagai 'Rintis Sekolah A' (lihat Lampiran B Jadual D1) di selatan Semenanjung Malaysia. Hasil daripada kajian rintis pertama ini dilihat oleh pengkaji dan dipersetujui oleh penyelia menunjukkan bahawa terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Namun begitu, pemilihan responden pelajar didapati kurang tepat kerana tidak menghasilkan jawapan yang mantap. Oleh itu, penyelia juga mencadangkan pengkaji membuat kajian rintis kedua, iaitu 'Rintis Sekolah B' dengan menyediakan juga keseluruhan nota lapangan sebagai latihan selain memastikan pemilihan responden pelajar benar-benar berjaya.

Kajian rintis kedua pula bermula pada 11 April 2008 dan berakhir pada 17 April 2008 di sebuah sekolah di tengah Semenanjung Malaysia (lihat Lampiran B Jadual B2). Hasil daripada rintis ini berserta dengan laporan nota lapangan (lihat Lampiran E – contoh nota lapangan) diserahkan kepada penyelia untuk disemak bagi melihat keselarasan antara hasil temu bual dengan objektif. Selain itu, dapatan rintis ini juga dilihat oleh penyelia dari segi cara pengkaji melaporkan laporan nota lapangan. Hasil daripada rintis kedua ini, pengkaji mendapat persetujuan penyelia untuk melaksanakan kajian sebenar di lapangan.

TRIANGULASI DATA

Salah satu cara untuk menjadikan data kualitatif mempunyai kepercayaan yang tinggi adalah dengan melaksanakan triangulasi antara data (Wiersma 1991; John Van Maanen, 1983). Triangulasi antara data dalam kajian ini melalui beberapa cara yang dipilih supaya data yang dikutip benar-benar mencapai tahap kepercayaan yang tinggi, iaitu triangulasi kajian pelbagai lapangan (*multiple case* atau *multisite studies*), triangulasi antara data temu bual bersama GPI dengan data temu bual responden yang lain yang terdiri daripada pentadbir, rakan guru, dan pelajar, triangulasi antara data temu bual dengan pemerhatian dan analisis dokumen, serta triangulasi antara data kualitatif dengan kuantitatif. Menurut Chirstopher Scott (1961), kebolehpercayaan terhadap data yang dipungut

daripada temu bual dibuat melalui rujuk silang secara sistematik terhadap maklumat yang disediakan oleh informan pada barisan yang sama. Kebolehpercayaan dicapai apabila maklumat yang sama diulang beberapa kali dalam satu barisan daripada seorang informan dan penyelidik boleh menggunakan teknik ini semasa proses pengkodan data melalui transkripsi temu bual.

Triangulasi antara pelbagai lapangan (*multiple case* atau *multisite studies*) merupakan salah satu bentuk triangulasi data yang tinggi kebolehpercayaannya (Merriam 1998). Hal ini demikian kerana kajian pelbagai kes ialah kajian yang melibatkan pelbagai tempat lapangan kajian. Data yang dikumpul dan dianalisis datang daripada pelbagai tempat lapangan. Data seperti ini menurut Merriam dapat meningkatkan lagi kesahan luaran atau generalisasi dapatan kajian.

Salah satu cara pengkaji untuk mencapai kepercayaan yang tinggi terhadap temu bual yang dijalankan adalah melalui triangulasi antara data temu bual responden utama, iaitu GPI dengan temu bual responden sokongan. Pengkaji menjelaskan kepada responden utama, iaitu GPI bahawa temu bual yang dijalankan dalam pengumpulan data bagi setiap sekolah adalah meliputi temu bual bersama dengan Pengetua atau Penolong Kanan, dua rakan guru, dan dua pelajar di bawah penyeliaan GPI. Penjelasan ini kepada responden GPI memberi kelebihan kepada pengkaji kerana responden GPI hanya menjelaskan ciri yang mereka ada sahaja berbanding menambah-nambah cerita yang tidak benar tentang diri mereka. Hasilnya, terdapat keselarasan yang jelas lagi tinggi bagi setiap tema yang dibina di antara temu bual dengan GPI, Pengetua, guru dan pelajar sebagaimana yang akan dibincangkan dalam bahagian dapatan kajian.

Selain daripada triangulasi antara data temu bual, bagi mengukuhkan lagi kebolehpercayaan data dan tema yang dibina, pengkaji merentas data temu bual ini pula dengan data pemerhatian dan analisis dokumen. Kedua-dua data pemerhatian dan analisis dokumen ini dijadikan data sokongan yang tidak boleh berdiri sendiri melainkan disandarkan dengan data temu bual. Pemerhatian pengkaji ditumpukan kepada P&P setiap GPI sebanyak dua kali. Oleh kerana data pemerhatian ini tidak banyak, maka laporan pemerhatian terhadap P&P setiap GPI ini digabungkan sekali dalam laporan nota lapangan (*field notes*). Sedangkan analisis dokumen melibatkan laporan segala data yang disenaraikan oleh pengkaji yang menunjukkan kecemerlangan GPI dalam bentuk surat, buku, sijil anugerah dan penghargaan, minit mesyuarat dan hadiah. Penggunaan teknik triangulasi seperti pungutan data yang diperolehi melalui sumber dokumen bukan sahaja boleh menyokong dan menambahkan bukti daripada pelbagai sumber lain, tetapi juga menolong mengesahkan maklumat yang didapati daripada temu bual dan pemerhatian (Suseela Malakolunthu, 2001: 131).

Akhir sekali, pengkaji membuat triangulasi antara data kualitatif dengan data kuantitatif. Pengkaji mengambil sampel pelajar yang di bawah penyeliaan GPI untuk mengumpul data melalui soal selidik (*survey*) bagi menilai ciri cemerlang yang ada pada GPI ketika dalam bilik darjah yang boleh dicerap, iaitu merangkumi P&P GPI, keperibadian, kemahiran, dan faktor motivasi pelajar. Menurut Merton K. dan Paul Kandall (1946) bahawa antara bentuk kesahan data dalaman dan kesahan kriteria ialah dengan membuat triangulasi data antara data kualitatif dari temubual, observasi, dan dokumen dengan data kuantitatif melalui soal selidik.

NOTA LAPANGAN DAN RUJUKAN DIARI

Nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi data kualitatif menurut Bogdan dan Biklen (2003) adalah juga melibatkan usaha pengumpulan data yang tersusun di lapangan. Bukti pelaksanaan pengumpulan data seperti temu janji, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian, dan pengumpulan dokumen adalah juga satu bentuk kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh kerana itu,

setiap pelaksanaan kerja pengumpulan data di lapangan perlu dilaporkan dalam dalam laporan yang dipanggil 'nota lapangan' (*field note*). Nota lapangan ini diperkukuhkan lagi dengan catatan diari pengkaji secara ringkas.

Sebagai satu cara bagi memudahkan pengkaji membuat nota lapangan, pengkaji membuat anisiatif menyediakan satu buku kecil untuk catatan lengkap setiap perjalanan pengkaji semasa di lapangan bagi setiap sekolah. Daripada buku kecil ini, pengkaji menyusunnya secara teratur dalam laporan lengkap yang ditandakan mengikut sekolah. Contoh penggunaan buku kecil nota lapangan (kulit depan), catatan pengkaji dalam buku kecil tersebut, dan penyusunan semula nota lapangan dan diari sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran D dalam Rajah D1-D3.

PENGESAHAN RESPONDEN TERHADAP DATA TEMU BUAL

Salah satu cara untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kualitatif utama yang dikutip oleh pengkaji adalah melalui pengesahan dengan tandatangan terhadap data yang dikutip (Bogdan & Biklen 2003). Rakaman yang dijalankan oleh pengkaji melibatkan dua bentuk rakaman, iaitu rakam suara dan rakaman video. Namun begitu, rakaman video ini hanya dirakam setelah pengkaji mendapat keizinan daripada responden. Daripada semua responden kajian, hanya PS6 sahaja yang tidak membenarkan rakaman video dijalankan. Tujuan rakaman video adalah untuk melihat ekspresi muka terhadap jawapan daripada soalan pengkaji. Rakaman video ini adalah bagi menyokong rakaman suara supaya pengkaji mengambil berat terhadap setiap jawapan responden. Rakaman suara bagi setiap responden kemudian ditranskrip oleh pengkaji dengan kadar yang segera supaya semua data yang menyokong kepada rakaman itu boleh dilaporkan dalam nota lapangan. Setelah siap teks transkrip, pengkaji menyerahkan salinan tersebut kepada responden yang terlibat untuk mereka membaca kembali segala isi perbualan dan keterangan daripada maksud perbualan. Para responden dibenarkan untuk membetulkan fakta yang tersilap seterusnya menandatangani teks transkrip tersebut. Pengkaji menyediakan ruangan untuk responden menilai dan menandatangani teks transkrip (lihat Lampiran E Rajah E1). Melalui pembetulan fakta, pengakuan, dan pengesahan responden terhadap data utama (data temu bual) ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan.

PENGESAHAN PAKAR DAN PENCAPAIAN PENILAIAN PAKAR MELALUI COHEN KAPPA

Setelah semua hasil transkrip disahkan serta disusun semula, begitu juga laporan nota lapangan dan diari siap, pengkaji mula menyusun tadbir data tersebut untuk mendapatkan tema dapatan kajian dengan bantuan program N'Vivo 7.0. Sebaik sahaja semua data diproses, dan data keseluruhan serta pola dapatan kajian dihasilkan, pengkaji menyediakan satu set borang persetujuan pakar terhadap tema yang dibina oleh pengkaji (Lihat Lampiran F).

Persetujuan pakar terhadap tema yang dibina ini penting menurut Cohen (et.al. 2000; lihat Jadual 3.4 - Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa) kerana pakar merupakan *interater* (persetujuan antara penilai), iaitu orang luar yang mengesahkan pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji selaku pendidik (Cohen et al. 2000).

Sebanyak tiga orang pakar kualitatif (lihat Jadual 4.1 - Senarai Panel Pakar) dalam bidang Pendidikan Islam yang dilantik untuk menjadi *interater* terhadap tema yang dibina (Lampiran G – Contoh Surat Lantikan Pakar).

Jadual 4.1 Sanarai Panel Pakar Analisis Persetujuan Pembinaan Tema Data Kualitatif

Bil.	Nama	Wakil	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1.	Pakar A	Institute of Education, IIUM	Pembantu Professor, Dr.	Pendidikan Islam	0.94
2.	Pakar B	Dep. of Education Foundation and Humanities, FP, UM	Pensyarah Kanan, Ketua Jabatan, Dr.	Pendidikan Guru dan Pendidikan Islam	0.92
3.	Pakar C	Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM	Prof. Madya, Ketua Jabatan, Dr.	Pendidikan Islam, Pendidikan Nilai, dan Pedagogi	0.92

Sumber: Borang persetujuan pakar Pendidikan Islam terhadap tema data kualitatif 2009 sebagaimana di Lampiran F

Hasil daripada penilaian pakar ini menunjukkan bahawa pembinaan tema yang dilakukan oleh pengkaji mencapai tahap pengukuran Cohen Kappa pada tahap melebihi 9.0 (sangat tinggi) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2 Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Indikator	Nilai Cohen Kappa
Sangat tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	< 0.30

Sumber: Wiersma (1991)

Pencapaian tahap persetujuan yang sangat tinggi mengikut penilaian Cohen Kappa ini adalah merupakan bukti terbaik bagi menentukan kebolehpercayaan yang tinggi data kajian.

TEMPOH LAMA DALAM KAJIAN

Salah satu daripada cara kebolehpercayaan data ialah melalui perpanjangan kehadiran penkaji (*prolonged engagement*) (Padgett, 1998). Proses pengumpulan data dalam kajian sebenar ini secara keseluruhan mengambil masa selama tujuh bulan yang bermula daripada pertengahan bulan April dan berakhir pada pertengahan bulan November 2008. Tempoh ini bagi setiap sekolah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3 Tempoh Pengumpulan Data Lapangan di Sekolah yang Terlibat Pada Tahun 2008

Bil.	Sekolah	Bulan dalam 2008									
		4	5	6	7	8	9	10	11		
1.	SK1										
2.	SK2										
3.	SK3										
4.	SK4										
5.	SK5										
6.	SK6										
7.	SK7										
8.	SK8										

Sumber: Nota Lapangan dan Catatan Diari Kajian Kes GCPI Sekolah Menengah di Malaysia

Perbezaan tempoh ini di antara sekolah terlibat adalah bergantung kepada kerjasama pihak sekolah, responden yang terlibat, jenis sekolah, dan berdasarkan jadual persekolahan tahun 2008. Pada umumnya kerjasama daripada semua pihak yang berkaitan adalah sangat baik melainkan sesetengah responden mengambil masa yang agak lama bagi mengesahkan data temu bual kerana sibuk dengan tugas pentadbiran dan pengurusan sekolah.

RUMUSAN

Sebenarnya banyak lagi bentuk data yang boleh digunakan dalam penyelidikan kualitatif namun penggunaan pegesahan data ini bergantung kepada jenis kajian dan jenis instrumen kajian yang digunakan. Berdasarkan contoh kajian ini beberapa bentuk pengesahan dan kebolehpercayaan data digunakan ialah dalam bentuk kajian rintis, triangulasi data, nota lapangan dan rujukan diari, pengesahan responden terhadap data temu bual, pengesahan pakar dan pencapaian penilaian pakar melalui cohen kappa, dan tempoh lama dalam kajian.

RUJUKAN

- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. 2003. *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Campbell D. dan Fiske D. .1959. "Convergent and Discriminant Validation" in *Psychological Bulletin*, Vol. 56, h. 81-105.
- Chirstopher Scoot. 1961. "Research on Mail Surveys" dalam *Journal of the Royal Statistical Society*, vol. 124, Series A., p. 186.
- Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. USA : Mc. Fraw-Hill Inc.
- John Van Maaneen. 1983. *Qualitative Methodology*. Beverly Hill, California: Sage Publication.
- Merriam, S.B. 1997. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Merton, K. dan Paul Kandall. 1946. "The Focussed Interview" dalam *American Journal of Sociology*, vol. 51., Nos 1-6., July 1945 – May 1946, h. 544.
- Mohd Izham Mohd Hamzah. 2006. Pengurusan proses perubahan terancang di beberapa buah sekolah bestari di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Padget, D.K. 1998. *Qualitative methods in social work research: Challenges and rewards*. USA: SAGE Publications India Pvt. Lid.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Suseela Malakolunthu. 2001. "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan" dalam Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wiersma, W. 1991. *Research methods in education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon.